

03/03/2001

Pemuda hilang taring jika kemelut dalaman berterusan

Jamhariah Jaafar

KURANGKAN retorik, lebihkan bekerja. Laungan itu sering bermain di bibir Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein. Mungkin kerana terlalu sering diungkapkan, maka ia dilihat ramai menjadi retorik semula.

Hishammuddin, ketika memangku jawatan Ketua Pemuda selepas Datuk Rahim Thamby Chik terpaksa melepaskan jawatannya, agak berjaya dalam memperlihatkan kewibawaannya sebagai seorang pemimpin muda yang disegani dan berwibawa.

Tidak sukar untuk sekadar menyambung tugas dan tanggungjawab yang dilepaskan oleh seorang ketua yang mengalami kemelut peribadi. Kerana itu, Hishammuddin tidak menghadapi masalah untuk menawarkan diri memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda secara mutlak dalam pemilihan pada Mei 2000.

Bagaimanapun, sejak itu juga, kepemimpinan Hishammuddin dihalusi umpama menggunakan mikroskop - bukan saja oleh ahli pergerakan itu, bahkan oleh semua ahli Umno, bangsa Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menaikkan pangkatnya daripada timbalan menteri kepada menteri penuh dan bertanggungjawab ke atas Kementerian Belia dan Sukan, padat dengan alasan.

Ia mempunyai matlamat serampang dua mata, iaitu menarik golongan muda kembali menyokong parti pemerintah dan turut memastikan semua program bagi kepentingan belia serta sukan dapat dilaksanakan dari kaca mata seorang anak muda.

Bagi memantapkan pasukan petugas di kementerian berkenaan, maka Perdana Menteri turut meletakkan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Kiat, sebagai timbalan menteri.

Hishammuddin memegang dua jawatan penting, iaitu sebagai Ketua Pemuda dan Menteri Belia dan Sukan. Pada usia muda 37 tahun, beliau dicemburui rakan dan lawan kerana kedudukan yang dimilikinya meletakkan beliau sebagai pemimpin pelapis tertinggi yang bakal mewarisi kepemimpinan negara pada masa akan datang.

Bagaimanapun, tanpa disertai sokongan padu daripada rakan-rakan, baik di dalam Pergerakan Pemuda Umno mahupun pada peringkat kementerian, semua tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan tidak akan menampakkan keberkesanan yang diharapkan.

Dan itulah yang dialaminya di dalam Pergerakan Pemuda Umno sekarang. Sejak mengambil alih secara rasmi jawatan Ketua Pemuda Umno, Hishammuddin terus dilanda pelbagai kemelut sehingga Pemuda dilabel dengan gelaran tidak bertaring, bacul, lembik dan tidak bermaya.

Kegagalan Pemuda untuk memberi reaksi pantas dan wajar apabila sebarang isu penting muncul, menyaksikan pertubuhan lain dengan bijak mengambil alih gelaran juara atau wira bangsa.

Bermula dari isu Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Pertubuhan Cina (Suqiu) hingga kepada pertelingkahan parti politik yang membawa kepada perpecahan bangsa Melayu sekarang, Pergerakan Pemuda Umno gagal memperlihatkan taringnya sebagai sebuah pertubuhan yang lantang dan berwibawa.

Akibatnya, mereka menerima kecaman dan kritikan serius daripada semua pihak, termasuk daripada barisan kepemimpinan utama Umno sendiri.

Hishammuddin cuba memulihkan imej Pemuda yang tercemar apabila secara senyap membuat perundingan dengan Suqiu dan membuka tirai 2001 dengan pengumuman bahawa Pemuda berjaya mendesak kumpulan itu mengetepikan

tuntutan yang membabitkan hak keistimewaan orang Melayu.

Bagaimanapun, kejayaan itu turut dipandang sinis oleh pihak tertentu yang beranggapan bahawa Pemuda tidak sepatutnya membuat sebarang rundingan atau kompromi dengan mana-mana pihak yang berani menggugat kedudukan hak istimewa orang Melayu.

Tetapi usaha Hishammuddin itu mendapat pengikitrafan daripada kepimpinan Umno dan isu itu berakhir dengan Pemuda terus menguatkan azam untuk menebus imej lembik mereka selama ini.

Bagaimanapun, Hishammuddin tidak dapat lari daripada hakikat bahawa masalah Pemuda Umno sebenarnya banyak berpunca daripada percakaran dalaman pergerakan itu sendiri.

Kemelutnya dengan Naib Ketua Pemuda, Datuk Aziz Sheikh Fadzir - walaupun tidak dihebahkan - tetap dirasakan ketegangannya. Ketiadaan Aziz dalam kebanyakan program yang dilaksanakan Pemuda, menerbitkan suara sumbang di sana-sini.

Pada masa sama, kegagalan barisan Exco Pemuda melaksanakan tugas secara bersepadu dan ramai yang memainkan peranan secara solo dalam tanggungjawab masing-masing, turut menjejaskan mutu perkhidmatan yang cuba ditawarkan oleh pergerakan itu kepada akar umbi.

Menyedari masalah itu, Hishammuddin sejak kebelakangan ini mula menggariskan program secara bersepadu, iaitu membabitkan semua 29 anggota Exconya. Dimulai dengan program rumah terbuka pada setiap negeri pada Syawal lalu, pergerakan itu meluaskan langkah dengan program masuk kampung pula.

"Ini bukan lagi retorik dan cakap-cakap kosong. Agenda Pemuda dan Melayu hendak kita kemaskinkan. Saya sudah minta Pemuda umno melihat kepada pembelaan dan hak orang Melayu dalam perjuangan kita.

"Perjuangan kita akan kembali kepada landasan asal, iaitu bukan saja membela tapi mendekatkan diri kita dengan rakyat." Itu adalah kata-kata Hishammuddin ketika ditemui beberapa hari sebelum Program Pemuda Masuk Kampung di Dungun, Terengganu pada 24 Februari lalu.

Bagaimanapun, program besar-besaran itu seperti membuka pekung di dada. Niat membawa wartawan bagi memberi publisiti kepada program berkenaan, menyerlahkan apa yang sedang berlaku di dalam pergerakan itu sekarang.

Bercakap berdegar-degar dan menyalahkan semua pihak, terutama apabila kedudukan mereka tergugat atau disekat, memang mudah. Namun, usaha untuk membuktikan bahawa mereka adalah golongan ikhlas, berwibawa dan layak menjadi pemimpin pelapis sebenarnya memerlukan kerja keras yang benar-benar jujur.

Program selama empat hari di Kampung Baru Kuala Abang, Dungun itu menyaksikan hanya 12 daripada 29 ahli Exco pergerakan itu yang hadir, itu pun kebanyakan mereka tiba pada hari ketiga sejurus sebelum kedatangan Hishammuddin. Hanya seorang ahli exco hadir sejak hari pertama, iaitu Shamsul Najmi Shamsuddin, bersama Penolong Setiausaha Pemuda, Zulkifli Alwi.

Mereka yang menyertai program berkenaan ialah Dr Adham Baba, Ismail Sabri, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, Wan Muhammad Khair-il Wan Ahmad, Datuk Wan Farid, Datuk Abd Hamid Mohd Nazahar, Abdullah Mat, Ikmal Hisham Abdul Aziz dan Norza Zakaria.

Pengerusi Biro Briged Putra, Azman Shah Omar Shah, pula hanya hadir pada penubuhan Briged Putra di Sekolah Menengah Kara, pada pagi Sabtu.

Secara keseluruhan, program yang turut membabitkan lima pelajar institusi pengajian tinggi itu lari daripada tujuan asalnya, iaitu untuk merapati rakyat desa dan mengetahui masalah kehidupan sebenar golongan marhain itu.

Jika sekadar pergi untuk menjamu selera, kemudian berceramah dan duduk bercerita hingga jam 1 satu 2 pagi tanpa benar-benar merapati rakyat yang

benar-benar mengharapkan bantuan, tidak memerlukan kehadiran exco Pemuda secara beramai-ramai.

Hishammuddin ketika meluahkan rasa kesal kerana tidak ramai barisan exconya hadir mungkin berasa dirinya dipermainkan. Tetapi secara ikhlas, beliau juga perlu mengkaji semula semua program yang memerlukan kehadiran keseluruhan anggota Exconya.

Barisan exconya bukan lagi terdiri daripada anak-anak muda di institusi pengajian tinggi yang boleh duduk sehari-hari lamanya di rumah keluarga angkat.

Sebaliknya, mereka terdiri daripada individu yang berkedudukan, berpangkat, malah ada yang sudah mencapai taraf jutawan. Mungkin pada mereka, sudah tentu tidak berapa 'sedap' sekiranya diletakkan di rumah keluarga angkat di kampung-kampung.

Justeru, nasihat Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak, supaya pergerakan itu membuang imej elit dan lebih mengutamakan suasana mesra rakyat patut diambil serius.

Ada yang berpendapat, dalam usaha Pemuda untuk memperbaiki imejnya daripada kumpulan pasif dan tidak bertaring kepada imej yang lantang dan prihatin, ia tidak boleh dilakukan dalam masa semalaman.

"Proses itu mesti dilakukan secara berperingkat. Kita tidak mahu Pemuda, dalam memulihkan krisis identiti mereka, melakukan itu dan ini tetapi berakhir dengan tidak berada di sana atau di sini, atau mencapai itu dan ini.

"Pendekatan Hishammuddin ialah supaya ahli exconya lebih banyak bekerja daripada bercakap tetapi apa yang berlaku sekarang ialah sebaliknya.

"Keadaan ini menjadikan Pemuda seolah-olah terperangkap dengan tindakan sendiri dan menyaksikan apa saja yang dilakukan menjadi serba tak kena, dengan berada di tempat yang tidak sepatutnya pada masa paling tidak bertepatan," kata seorang pemerhati.

Hishammuddin harus melihat semula kepada keseluruhan program dan barisan exconya. Dalam keadaan sekarang, hanya segelintir yang benar-benar bekerja manakala bakinya sekadar menjadi pemerhati.

Justeru, Pemuda perlu mempunyai satu senarai keutamaan tanpa perlu mengerah keseluruhan exco untuk turut hadir dalam mana-mana program yang dihadiri Hishammuddin sendiri.

"Adalah lebih baik jika Pemuda dapat menumpukan perhatian pada satu dua projek utama seperti membabitkan pelajar universiti atau pembelaan nasib golongan petani atau peneroka FELDA.

"Mereka boleh pecahkan barisan exco kepada beberapa pasukan. Dalam situasi sekarang, kerjasama sepasukan adalah penting.

"Tanpa semangat setia kawan dan perjuangan yang jitu, sebarang usaha untuk memperbaiki imej Pemuda sebagai kumpulan yang lantang, prihatin dan berwibawa, tidak akan membawa kesan yang diharap," kata pemerhati berkenaan lagi.

(END)